

HELAIAN FAKTA TAKAFUL - Takaful Kemalangan Diri

Pengenalan

Ini adalah panduan sebagai pengenalan bagi membantu anda memahami takaful kemalangan diri. Ia memberikan maklumat asas supaya anda boleh mengajukan soalan yang betul dan memahami jawapan yang diberikan oleh pengendali takaful serta membuat keputusan yang tepat sebelum menyertai sesuatu pelan takaful.

Apakah takaful kemalangan diri (KD)?

Takaful KD adalah pelan takaful tahunan yang menyediakan pampasan sekiranya berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan. Takaful KD juga boleh menyediakan perlindungan jangka pendek bagi suatu tempoh perjalanan. Perlindungan takaful KD merangkumi kemalangan yang berlaku di mana-mana tempat di dunia, 24 jam sehari, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam sijil.

Konsep takaful dalam takaful KD

Apabila anda menyertai takaful KD, anda mencarum sejumlah wang ke dalam dana takaful am dalam bentuk caruman penyertaan (tabarru'). Di bawah kontrak perjanjian, semua peserta bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain sekiranya salah seorang peserta ditimpa kemalangan yang mengakibatkan kematian, hilang upaya atau kecederaan.

Pada tempoh matang, anda layak berkongsi lebihan dalam dana takaful am sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh penyertaan. Lebihan ini akan dikongsi di antara anda dan pengendali takaful di bawah konsep perkongsian lebihan mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

Contoh: Pengendali takaful mempunyai jumlah lebihan (L) sebanyak RM4 juta dan jumlah caruman am (CA) sebanyak RM10 juta. Jumlah caruman anda pada tahun itu (C) ialah RM500 dan lebihan yang dikongsi bersama di antara anda dan pengendali takaful adalah mengikut nisbah perkongsian yang telah dipersetujui (NP) iaitu 50:50. Jumlah perkongsian lebihan yang akan anda terima dikira seperti berikut:

Skop perlindungan

Perlindungan asas takaful KD meliputi kematian dan hilang upaya yang disebabkan oleh kemalangan. Selain perlindungan asas, pengendali takaful juga boleh menyediakan perlindungan yang mencakupi belanja perubatan, manfaat penghospitalan, pembedahan pembetulan dan belanja pengebumian. Skop perlindungan takaful KD adalah berbeza-beza antara pengendali takaful. Anda dinasihatkan supaya menyertai pelan yang memenuhi kehendak anda.

Anda boleh menyertai takaful KD untuk diri anda sendiri atau poelan berkumpulan untuk keluarga anda. Majikan boleh menyertai takaful KD untuk pekerja mereka dan dalam kes seperti ini, bayaran pampasan kepada pekerja adalah atas budi bicara majikan. Sesetengah pelan takaful KD juga menetapkan had umur yang boleh dilindungi.

Pengecualian

Takaful KD lazimnya tidak memberi perlindungan ke atas kemalangan yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- Risiko peperangan
- Bunuh diri dan ketidaksiuman
- Kecederaan yang disengajakan
- Di bawah pengaruh arak, dadah atau narkotik
- AIDS/HIV atau sebarang penyakit kelamin
- Pembunuhan atau serangan yang dirangsang
- Melahirkan anak, mengandung atau keguguran
- Terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang
- Sukan berbahaya
- Mengendali atau menunggang kenderaan bermotor beroda dua

Selain itu, takaful KD kebiasaannya tidak memberikan perlindungan kepada mereka yang bekerja dalam profesion berikut:

- Polis/tentera dan pegawai penguatkuasa undang-undang
- Penyelam

- Juruterbang
- Penguji sawat
- Pemandu kereta lumba
- Pelaut dan nelayan laut
- Ahli sukan profesional

Senarai pengecualian di atas mungkin berbeza-beza antara pengendali takaful.

Perkara penting yang perlu diberikan perhatian apabila menyertai takaful KD

- **Skala manfaat**
Skala manfaat merujuk kepada amaun pampasan yang boleh dibayar oleh pengendali takaful apabila berlaku kematian, hilang upaya atau kecederaan. Anda dinasihatkan supaya memberikan perhatian pada skala manfaat dalam pelan anda kerana ianya berbeza-beza antara pengendali takaful.
- **Perlindungan berganda**
Sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu takaful atau insurans KD dan kemudiannya anda meninggal dunia atau hilang upaya, anda atau benefisiari anda berhak mendapat pampasan di bawah setiap pelan/polisi. Walau bagaimanapun, bagi kerugian tertentu seperti belanja perubatan yang pampasannya berdasarkan pembayaran gantian, anda akan dibayar pampasan sekali sahaja berdasarkan kerugian sebenar yang dialami.
- **Benefisiari**
Anda dinasihatkan supaya menamakan benefisiari anda dan pastikan benefisiari anda mengetahui mengenai takaful KD yang anda sertai.

Bagaimana saya membuat tuntutan?

Tuntutan kematian

Apabila berlaku kematian, laporan polis hendaklah dibuat dan pengendali takaful mesti dimaklumkan dengan secepat mungkin. Pihak menuntut akan diberi borang tuntutan yang harus diserahkan bersama semua dokumen sokongan yang dikehendaki oleh pengendali takaful seperti sijil kematian dan permit pengebumian. Jika tiada benefisiari yang dilantik, tanggungan si mati atau pentadbir harta pusaka si mati hendaklah mengemukakan bukti tanggungan atau surat kuasa mentadbir.

Tuntutan kecederaan

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada pengendali takaful mengenai kecederaan anda dalam jangka masa yang ditetapkan dalam takaful KD. Anda hendaklah mengemukakan borang tuntutan berserta dengan semua dokumen sokongan seperti laporan perubatan dan resit bayaran belanja hospital kepada pengendali takaful. Anda akan dibayar pampasan untuk manfaat di bawah pelan jika rawatan diterima atau diagnosis dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas tarikh kemalangan.

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang tersedia

- Sekiranya anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan pengendali takaful atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda hendaklah terlebih dahulu menyelesaikan aduan itu dengan Unit Aduan pengendali takaful berkenaan.
- Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dicapai, anda boleh menulis sama ada kepada Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) atau Bank Negara Malaysia yang akan mengendalikan aduan anda secara percuma. Anda mungkin ingin merujuk kepada pegawai di Unit Aduan pengendali takaful mengenai saluran yang betul untuk mengendalikan aduan anda.
- Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan anda kepada FMB, ianya hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh keputusan muktamad pengendali takaful. FMB mengendalikan pertikaian di antara pihak menuntut dan pengendali takafulnya sendiri atau pengendali takaful pihak ketiga.

- FMB merupakan sebuah badan bebas yang menyediakan saluran pengendalian aduan yang cepat, mudah dan cekap bagi pengguna membuat aduan atau menyelesaikan pertikaian mereka sebagai alternatif kepada mahkamah.
- Walau bagaimanapun, FMB tidak mengendalikan pertikaian yang melibatkan harga produk takaful dan isu pengunderaitan, kes penipuan dan kes yang telah atau sedang dirujuk kepada mahkamah.
- Selain itu, aduan yang dirujuk kepada FMB adalah terhad kepada:-
 - o RM200,000 bagi pelan takaful motor dan kebakaran
 - o RM100,000 bagi pelan takaful yang lain
 - o RM5,000 bagi kerosakan harta pihak ketiga
- Bagi kes yang bukan di bawah bidang kuasa FMB, anda boleh mengemukakan aduan itu kepada BNM.

Maklumat terperinci tentang cara-cara membuat aduan boleh didapati di dalam buku kecil bertajuk **'Asas-asas Insurans dan Takaful'**.

Perkara yang perlu dan jangan dilakukan
Apabila memohon bagi menyertai pelan takaful

Bagi memastikan pelan takaful anda kekal sah